

25/07/2000

Bumiputera disaran ceburi bidang baru

KUALA LUMPUR, Isnin - Bumiputera harus memecah tradisi daripada terus mewarisi pekerjaan ahli keluarga mereka terdahulu sebaliknya perlu berani menceburi bidang baru lebih mencabar, terutama sektor teknologi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, generasi muda Bumiputera perlu mempunyai semangat jitu untuk menerokai bidang yang tidak pernah atau jarang diceburi bapa atau ahli keluarga mereka sebelum ini.

Sehubungan itu, beliau meminta masyarakat Melayu tidak lagi mengikut kepercayaan kuno bahawa orang Melayu harus menjadi petani atau nelayan sementara orang Cina menjadi peniaga.

"Jadi apa yang kita perlu buat ialah lupakan pemikiran lama dan cuba idea, cara dan kaedah baru," katanya ketika merasmikan Bangunan Sapura@Mines, ibu pejabat korporat baru Sapura Group di Seri Kembangan dekat sini, malam ini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ahli, serta Pengerusi dan Pengasas Kumpulan Sapura, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir.

Upacara simbolik diadakan juga sempena ulang tahun ke-25 penubuhan Sapura dengan Dr Mahathir meletakkan model kubah bangunan ke tempat khas diikuti pancaran laser video mengenai sejarah ringkas syarikat berkenaan serta pertunjukan bunga api di tasik The Mines Resort.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu percaya kebolehan diri sendiri dan dengan itu sudah pasti mereka boleh mencapai matlamat.

"Jika dulu ayah kita seorang petani, nelayan, pemandu atau kakitangan kerajaan bergaji rendah, kita tidak harus mengikut jejak langkah mereka dan perlu belajar memperolehi ilmu, bekerja kuat serta berusaha untuk maju," katanya.

(END)